

TARIKH : 3/8/2022  
SURAT KHABAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 8

# PRU15 sebulan dua lagi - Saravanan

Timbalan Presiden MIC itu beri bayangan tersebut dan minta rakyat khususnya penjawat awam buat pilihan bijak

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**  
**TUAN MUHAMAD ADNAN**  
**PUTRAJAYA**

**M**enteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan memberi bayangan bahawa Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) akan diadakan dalam tempoh sebulan dua lagi.

Katanya, apabila tiba masa PRU15 dilaksanakan, rakyat khususnya penjawat awam digesa membuat pilihan bijak.

"Mungkin tak lama lagi, boleh jadi sebulan dua. Apabila sampai masa nanti, buatlah pilihan B



Saravanan (tengah) menyampaikan sijil pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 KSM di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada Selasa.

iaitu bijaksana," katanya dalam ucapan di hadapan 441 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Sumber Manusia (KSM) di sini pada Selasa.

Beliau berkata, sejarah mem-

buktikan apabila rakyat membuat pilihan tidak betul pada PRU, penjawat awam menjadi mangsanya.

"Saya harap dan merayu kepada tuan-tuan tinggalkanlah ideologi politik individu. serta

fikirlah yang terbaik dan apa kelebihan," katanya.

Saravanan yang juga Timbalan Presiden MIC berkata, pilihan terbaik perlu dibuat rakyat bagi menjamin kestabilan politik seterusnya menjadikan Malaysia

sebagai sebuah negara yang terus maju.

"Yang terbaik itu memberikan kestabilan politik yang berterusan untuk masa depan anak-anak," ujarnya.

Ahad Jalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengingatkan semua ahli BN termasuk pemimpin tidak menyerang antara satu sama lain sehingga merugikan parti kerana PRU kini menghampiri.

Sementara itu, pada sidang akhbar, Saravanan berkata, senarai calon parti itu akan diputuskan oleh Presiden, Tan Sri S A Vigneswaran.

"Kita kekal bertanding di sembilan kerusi Parlimen dan 18 Dewan Undangan Negeri (DUN) sepertimana dipertaruhkan dalam PRU14 sebelum ini," katanya.

Ditanya adakah akan berlaku pertukaran kerusi, beliau menyerahkan kepada parti untuk menentukannya.

"Biar parti putuskan, itu peringkat BN," kata beliau.

Sinar Harian  
3/8  
Pgs

FOTO: BERNAMA